

18/11/2003

Hadi digesa tarik balik fatwa kafirkan Umno

ALOR STAR: Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, perlu terlebih dulu menarik balik fatwanya yang mendakwa orang Umno kafir bagi membuktikan keikhlasannya sebelum mengajak ketua parti politik membincangkan Dokumen Negara Islam Pas.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, berkata Abdul Hadi tidak perlu berfikir dua kali untuk menarik balik fatwa yang bertentangan dengan Islam jika beliau ikhlas.

"Saya meminta Abdul Hadi menarik balik dulu fatwanya yang mengkafirkan orang Umno sebelum Dokumen Negara Islam Pas boleh dibincangkan," katanya kepada pemberita selepas majlis sambutan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, semalam.

Zainuddin mengulas cadangan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat, supaya ketua parti politik berbincang dengan Abdul Hadi mengenai dokumen itu.

Nik Aziz membuat cadangan itu bagi membolehkan ketua parti politik mendapatkan penjelasan terus daripada Abdul Hadi berkaitan dokumen berkenaan.

Timbalan Menteri Penerangan itu berkata, keikhlasan Pas penting ditentukan bagi mengelakkan parti pembangkang berkenaan menuduh Umno tidak memegang akidah dan menentang Islam jika dokumen itu ditolak.

"Ini penting kerana Ketua Penerangan Pas (Datuk) Dr Harun Din dalam lidah rasmi parti itu juga menyatakan akan memberi penerangan kepada masyarakat bahawa Umno adalah parti yang menolak Islam," katanya.